

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Isu latihan ijazah lanjutan kepakaran



Anwar melawat Pameran Era Pasca Normal MADANI selepas merasmikannya di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Kabinet bincang Rabu ini: Anwar

Mesyuarat dijangka sentuh cadangan benar bukan Bumiputera dapat latihan di UiTM

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Isu berhubung latihan ijazah lanjutan kepakaran atau 'parallel pathway' yang kini menjadi polemik, akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet pada Rabu ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata demikian menjawab pertanyaan sama ada Kabinet sudah memutuskan cara bagi menyelesaikan kemelut isu berkenaan yang belum menampakkan tanda akan reda dan selesai.

"Kita akan bincang pada Rabu dalam mesyuarat Kabinet," katanya selepas merasmikan Pameran Era Pasca Normal MADANI di sini, semalam.

Sebelum ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta Universiti Teknologi MARA (UiTM) membenarkan kemasukan pegawai perubatan bukan Bumiputera yang ingin mendapatkan latihan khusus bidang kardiotoraks, sama seperti institusi itu menerima pelajar antarabangsa.

Cadangan itu menerima kritikan pelbagai pihak, termasuk mahasiswa UiTM dan alumninya yang mempertahankan kedudukan universiti itu hanya untuk

Bumiputera seperti yang termaktub dalam Perlembagaan.

Pada masa sama, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, dilaporkan berkata setakat ini tidak ada perbincangan mengenai kemasukan pelajar bukan Bumiputera ke UiTM di peringkat kementerian mahu pun Kabinet.

Zambry berkata, isu itu sengaja dimainkan pihak tertentu.

Parallel pathway adalah sebahagian daripada program latihan pascasiswazah menyeluruh dan merupakan sebahagian daripada proses untuk akhirnya menjadi subpakar di Malaysia.

Program itu membolehkan pegawai perubatan profesional Malaysia mendapatkan latihan kepakaran untuk kelulusan pascasiswazah terpilih di luar negara bagi mengatasi masalah kekurangan pakar di negara ini.

Masalah kekurangan pakar

Malaysia mengalami kekurangan pakar yang serius, namun pada masa sama tiada program tempatan mencukupi untuk melahirkan golongan terbabit.

Menurut MMA, nisbah penduduk Malaysia dengan pakar perubatan ialah 10,000:4, jauh lebih rendah berbanding purata Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) iaitu 10,000:14.3.

Satu-satunya program latihan pakar bagi pembedahan kardiotoraks di Malaysia ialah usaha sama antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan Institut Jantung Negara (IJN), namun institusi pengajian tinggi itu hanya menawarkan tempat kepada Bumiputera.

Kebimbangan itu mendorong UiTM menawarkan program ter-

sebut kepada pelatih bukan Bumiputera buat sementara waktu, sehingga program sama ditawarkan di Universiti Malaya (UM).

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, akan memberikan penjelasan berhubung pelaksanaan subsidi diesel bersasar tempoh terdekat.

Anwar berkata, beliau sudah memberi gambaran awal mengenai penyelarasan pemberian subsidi berkenaan ketika menyampaikan Perutusan Negara, Selasa lalu.

"Ada tanya mengapa (tidak diperincikan)? Bukan semua Perdana Menteri lakukan. Saya berikan gambar, kerangka besar, kemudian akan ada tindakan susulan."


"Jadi, sebab itu saya bedakan antara perkara dasar dan titik bengkok," katanya.

Ketika menyampaikan Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan, Selasa lalu, Perdana Menteri memaklumkan, Kabinet bersetuju menyelaraskan pemberian subsidi ke atas diesel yang berupaya menjimatkan wang kerajaan RM4 bilion setahun.

Beliau dilaporkan berkata, sebagai permulaan, langkah itu tidak membabitkan pengguna di Sabah dan Sarawak kerana kebanyakan keluarga di negeri terbabit menggunakan diesel untuk kenderaan harian mereka.

Sementara itu, ketika menyentuh mengenai pelantikan Yang Dipertua Dewan Negara yang baharu bagi menggantikan Mending Senator Datuk Mutang Tagal yang meninggal dunia pada 10 Mei lepas, Anwar berkata, perkara itu akan dibincangkan esok ketika berada di Sarawak.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL



SIJIL CUTI SAKIT HILANG

JKN Johor ambil tindakan elak kes sama berulang

Johor Bahru: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKN) mengambil tindakan penambahbaikan segera supaya kejadian kehilangan sijil cuti sakit seperti yang berlaku di Hospital Tangkak baru-baru ini tidak berulang.

Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Mohtar Pungut @ Ahmad berkata, pihaknya turut membuat laporan polis bagi mengelakkan penyalahgunaan sijil cuti sakit yang hilang itu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kita mengambil maklum berkaitan isu tular di laman media sosial dan akhbar berhubung kehilangan sijil cuti sakit Hospital Tangkak.

"Kita mengesahkan ke-

hilangan sehelai sijil cuti sakit dengan nombor siri HTGKF 896400 di Hospital Tangkak dan laporan polis sudah dibuat bagi mengelakkan penyalahgunaan sijil ini oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pihak pengurusan Hospital Tangkak sedang menjalankan siasatan berkaitan insiden ini dan tindakan susulan selepas kehilangan itu dilaksanakan mengikut tatacara seperti mana termaktub dalam arahan perbendaharaan.

"Berikutan insiden ini, tindakan penambahbaikan segera juga sudah dilakukan supaya kejadian sama tidak akan berulang," katanya ketika dihubungi, semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN



KEGILAAN BEDAH BARIATRIK

Permintaan dalam kalangan golongan muda meningkat berkali ganda

Oleh NUR HUDA MUSA dan NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA – Masalah kegemukan yang dihadapi sebahagian rakyat dewasa ketika ini menyebabkan ramai yang mencari

penyelesaian alternatif iaitu menerusi pembedahan bariatrik.

Pembedahan bariatrik adalah pembedahan yang membantu seseorang menurunkan berat badan dengan membuat perubahan

kepada sistem pencernaan sama ada dengan mengecilkan perut ataupun memintas sebahagian daripada usus kecil.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Kegilaan bedah bariatrik

DARI MUKA 1

Pakar Bedah Bariatrik Hospital Island Pulau Pinang, Dr. Abdul Gafoor Abdul Mubarak berkata, trend obesiti atau gemuk dalam kalangan golongan muda memang merisaukan terutama mereka yang berusia antara 30 hingga 35 tahun.

Malah katanya, terdapat ibu bapa yang datang kepadanya untuk mendapatkan konsultasi pembedahan bariatrik buat anak-anak mereka seawal usia 14 hingga 18 tahun yang sudah mengalami masalah kegemukan yang serius.

"Apabila ibu bapa datang bawa anak-anak mereka yang masih kecil, kita tak dapat nak lakukan pembedahan bariatrik kerana pemilihan pesakit adalah 18 tahun ke atas sahaja. Ibu bapa perlu betul-betul faham kesan pembedahan adalah kekal seumur hidup.

"Saya boleh katakan, pesakit obesiti yang datang pada saya untuk membuat pembedahan bariatrik adalah meningkat 100 peratus. Pada tahun 2021 terdapat 150 pembedahan setahun, tahun 2022 (220 pembedahan), tahun lepas sebanyak 400 pembedahan, manakala tahun ini kita jangka sehingga 550 pembedahan bariatrik setahun.

"Masalah obesiti adalah isu yang serius dalam masyarakat kerana jika tidak dibendung dalam jangka masa terdekat, negara akan menanggung beban kos kesihatan yang tinggi untuk



ABDUL GAFOOR ketika menjalankan pembedahan bariatrik di Hospital Island Pulau Pinang baru-baru ini.

menguruskan pesakit obesiti.

"Ramai antara mereka menghidap penyakit kronik seperti diabetes, sakit jantung, darah tinggi dan gout," katanya ketika dihubungi Kosmo baru-baru ini.

Abdul Gafoor yang lebih popular dikenali dengan nama Dr. G di TikTok berkata, hanya 15 peratus individu berjaya kurus dalam masa setahun, manakala 10 per-

tus daripadanya kekal kurus selepas dua tahun.

Katanya, peluang seseorang individu untuk gagal dalam menguruskan badan adalah sangat tinggi, sekali gus menjadikan genetiknya seterusnya dalam keluarga juga cenderung untuk menjadi gemuk.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, lebih separuh daripada

rakyat dewasa di negara ini mengalami masalah obesiti atau gemuk apabila sebanyak 54.4 peratus atau 12.8 juta daripada 23.6 juta orang dewasa mengalami berat badan berlebihan tahun lalu.

Menerusi poster yang dikongsikan Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Bahagian Pemakanan di platform media sosialnya semalam, trend berat

badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan dewasa meningkat lebih tiga peratus setiap tahun dari 2011 hingga 2023.

Sementara itu, data terkini The World Factbook - Central Intelligence Agency dari 2016 hingga 2024 pula mendedahkan, Malaysia muncul sebagai negara kedua di Asia Tenggara yang mempunyai ramai rakyat gemuk.

Ketagihan dessert viral jadi punca ramai jadi gemuk



TABIAT mengambil makanan bertemak dan bergula boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan pengguna. - GAMBAR HIASAN

PETALING JAYA - Menjadikan makanan manis sebagai pengganti makanan utama dikenal pasti sebagai punca orang ramai cenderung untuk mengalami masalah kegemukan di usia muda.

Pakar Bedah Bariatrik Hospital Island Pulau Pinang, Dr. Abdul Gafoor Abdul Mubarak berkata, tabiat tersebut akan meningkatkan kandungan lemak dan gula dalam badan, sekali gus menambatkan masalah obesiti.

Katanya, trend mengambil dessert viral semakin berleluasa kerana orang ramai lebih cenderung mengambil makanan manis di samping meletakkan keberangkatan untuk memakannya ketika dalam keadaan stres.

"Makanan manis akan menambahkan lagi rasa ingin untuk

makan melebihi kuantiti biasa. Bila stress, mereka suka makan makanan manis dan kuantiti makanan juga makin bertambah.

"Saya tidak nafikan bila berniaga dessert viral, lebih mudah peniaga-peniaga mempromosikan produk mereka sebab senang buat orang ramai terliur.

"Selain itu, kebanyakan pesakit obesiti yang datang pada saya kebanyakannya memang pemakan nasi yang tegar. Jenis tak boleh kalau tak ada nasi. Kumpulan ini juga kurang melakukan sebarang aktiviti fizikal," katanya.

Dalam pada itu, Pegawai Perubatan, Dr. Irma Izzati Abd. Malek berkata, trend makanan ataupun pencuci mulut manis melampau yang dilihat semakin menjadi-jadi ketika ini boleh menyebabkan

lebih ramai penghidap diabetes di negara ini.

Lebih membimbangkan ialah orang ramai seolah-olah berlumba-lumba untuk menjadi orang pertama yang menikmati pelbagai pencuci mulut yang viral.

"Pengambilan makanan manis yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit kronik terutama sekali obesiti yang meningkatkan risiko seseorang itu mendapat penyakit berangkai yang lain seperti kencing manis, darah tinggi dan tinggi kolesterol.

"Bukan itu sahaja, pengambilan gula berlebihan yang menyebabkan obesiti dan sakit kronik sekali gus meningkatkan risiko ketidaksuburan dan kanser," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Isu Parallel Pathway dibincang

KUALA LUMPUR - Mesyuarat Kabinet pada Rabu ini akan membincangkan isu berhubung Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran atau 'Parallel Pathway'.

Perkara tersebut dimaklumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika ditanya sama ada Kabinet sudah memutuskan cara untuk menyelesaikan kemelut isu berkenaan.

"Kita akan bincang pada Rabu dalam mesyuarat Kabinet," katanya selepas merasmikan Pameran Era Pasca Normal Madani

di sini semalam.

Sebelum ini, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi satu-satunya universiti yang menawarkan program *parallel pathway* dengan kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) dalam bidang kardiotoraks.

Susulan itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta UiTM membenarkan kemasukan pegawai perubatan bukan bumiputera yang ingin mendapatkan latihan khusus bidang kardiotoraks, sama seperti institusi itu

menerima pelajar antarabangsa.

Bagaimanapun cadangan itu dikritik pelbagai pihak termasuk mahasiswa UiTM dan alumni kerana menegaskan universiti itu hanya untuk bumiputera seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Malah, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir turut memaklumkan bahawa tiada perbincangan mengenai kemasukan pelajar bukan bumiputera ke UiTM di peringkat kementerian mahupun Kabinet.



ISU berhubung Latihan Ijazah Lanjutan Kepakaran di UiTM dengan kerjasama IJN menjadi perdebatan umum baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA DEPAN

Cadang naik RM10 harga konsultasi klinik awam

Oleh HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan di-cadang menaikkan bayaran konsultasi di semua fasiliti kesihatan kerajaan dari RM1 kepada RM10 bagi menampung kekurangan doktor dan menambah baik khidmat di pusat-pusat kesihatan.

Selain itu, harga ubat-ubatan kepada pesakit juga disaran disemak semula agar setimpal dengan kenaikan harga semasa.

Bagaimanapun, jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin berkata, bagi melaksanakan perkara itu, kerajaan perlu mencari satu mekanisme yang tidak membebankan pesakit yang memilih fasiliti kesihatan awam terutama B40.

Bersambung di muka 3

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kenapa perlu heret UiTM untuk tangani masalah kesihatan negara

SEJAK kebelakangan ini UiTM menjadi sasaran kritikan berikutan program 'parallel pathway' yang melatih pakar kardiotorasik. Universiti itu adalah yang pertama menawarkan program berkenaan dalam usaha melahirkan lebih ramai pakar kardiotorasik dalam kalangan Melayu dan bumiputera.

Tujuan melahirkan pakar bidang tertentu selaras agenda penubuhan universiti terbesar untuk meningkatkan pembabitan Melayu dan bumiputera seperti termaktub dalam Akta UiTM 1956 (Akta 173). Kini terdapat desakan bahawa universiti itu membuka peluang kepada Melayu untuk mengikuti program berkenaan. Keengganan universiti itu untuk membuka ruang kepada kaum lain dianggap sebagai melaksanakan dasar "apartheid".

Dengan tiada angin ribut dan hujan, UiTM diheret ke kancah politik dan polemik yang sememangnya menjadi 'madu' kepada mereka yang membenci kepada perpaduan. Sudahlah isu perpaduan sememangnya sudah rapuh sejak beberapa tahun lalu. Ditambah ahli politik atau golongan berhaluan kanan atau kiri yang mengapi-apikan sebarang isu berkaitan kaum.

Kedadaan ini tidak dibantu kewujudan media sosial. Seseorang yang tidak bertanggungjawab atau 'dibayar' boleh membangkitkan sesuatu perkara yang kemudian dikongsi dan situasi balas membalas menjadikan sesuatu isu lebih besar daripada sebenarnya. Oleh kerana perbincangan rakus di media sosial, perkara kecil menjadi besar. Sesetengah media tidak kurang mengambil kesempatan menaikkan perbincangan untuk memburukkan lagi keadaan. Jika kenyataan di media sosial tidak dilayan, adakah keadaan akan menjadi buruk? Begitu juga isu UiTM yang kini berhadapan kritikan berikutan program perubatannya dan keperluan membuka institusi itu kepada kaum lain.

Mengenai isu kesihatan di negara ini, ia bukan masalah UiTM. Isu kekurangan doktor, jururawat, masa menunggu lama, hospital sesak dan masalah berkaitan sudah bersarang sejak puluhan tahun.

Apabila kita lebih mementingkan bangunan pencakar langit daripada kemudahan hospital, akan tiba masa sistem kesihatan akan runtuh. Apabila perancangan pembangunan kemudahan asas seperti hospital tidak selaras peningkatan penduduk, itu mendorong doktor memohon maaf di papan putih hospital kerana masa menunggu lama.

Apabila ribuan doktor berhenti kerana suasana kerja toksik dan gaji rendah, kerajaan sejak berdekad gagal menanganinya. Sebaliknya memaling ke arah lain. Cuba yakinkan seorang doktor yang selama lapan tahun masih kekal sebagai kakitangan kontrak kenapa dia harus terus berkhidmat.

Sekarang kenapa harus UiTM dipersalahkan atau bertanggungjawab memulihkan sistem yang hanya boleh diperbaiki dengan pembabitan semua pihak.

Pada suatu ketika, kerajaan memberikan lesen kepada pembukaan universiti, kolej dan institusi swasta. Tidak kurang 1,000 institusi pendidikan swasta diwujudkan seperti cendawan selepas hujan. Malaysia juga mempunyai universiti - awam dan swasta - yang menawarkan bidang perubatan yang sangat banyak, mungkin lebih banyak berbanding di United Kingdom tetapi ke mana pergi semua pakar ini? Di mana peranan semua universiti ini atau mereka hanya menumpukan kepada yuran lumayan program perubatan.

Kemudahan kesihatan kerajaan dianggarkan menerima 60 juta pesakit setiap tahun. 27 juta rakyat memilih untuk ke hospital kerajaan berbanding swasta. Nisbah seorang doktor di hospital awam adalah lebih 500 pesakit untuk setiap doktor. Jika dikira jumlah lawatan pesakit, lebih 54,000 doktor menerima 60 juta lawatan pemeriksaan.

Semua ini salah UiTM? UiTM tidak mampu menyelesaikan semua masalah ini. Itu realitinya. Jika kita terus mengejar pelangi, pasti akan ada yang cedera.

Mohamad Azlan Jaafar adalah Pengarang Kumpulan Media Mulai Sdn. Bhd.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Cadang naik RM10 harga konsultasi klinik awam

Dari muka 1

"Dalam keadaan sekarang, kerajaan disaran meningkatkan bayaran klinik kerajaan agar klinik kerajaan selepas ini lebih efisien. Konsultasi yang sesuai dari RM1 mungkin kepada RM10 manakala harga ubat-ubatan harus dikaji semula berdasarkan harga ubat terkini," kata beliau.

Menurut beliau, mekanisme tersebut perlu dikaji dan diwujudkan dan mungkin boleh meniru seperti mekanisme subsidi bersasar minyak diesel yang diumumkan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim baru-baru ini.

"Hanya mereka yang betul-betul susah tidak perlu membayar lebih harga rawatan manakala yang lain harus membayar lebih," katanya.

Semalam akhbar ini melaporkan, sektor kesihatan awam mencatat kedatangan 59,990,067 pesakit luar sepanjang tahun 2022 yang menjadi antara punca berlakunya kesesakan di sesetengah klinik atau hospital kerajaan.

Berdasarkan Petunjuk Kesihatan 2023, jumlah keseluruhan Kedatangan Pesakit Luar mengikut sektor dan negeri yang direkodkan sehingga 31

Disember 2022 adalah sebanyak 63,778,213.

Daripada jumlah itu, seramai 57,461,758 pesakit luar direkodkan hadir ke pusat kesihatan awam di bawah Kementerian Kesihatan melibatkan hospital (17,749,587), institusi perubatan khas (570,603) dan fasiliti kesihatan awam (39,141,568) manakala 2,528,309 bukan di bawah kementerian itu.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, kos perubatan adalah tinggi dan berbeza apabila perkhidmatan swasta diba-

yar pesakit manakala di fasiliti kerajaan dibayar kerajaan.

"Sektor swasta menghadapi banyak cabaran apabila terdapat cerita yang tidak benar mengenai kos rawatan kami tinggi.

"Bilangan pesakit yang datang ke sektor swasta lebih ramai dan kos rawatan tidak meningkat.

"Pesakit yang ingin mendapat rawatan di sektor awam hanya perlu membayar RM1 dan kos lain hanya ditanggung oleh kerajaan berbanding sektor swasta yang ditanggung secara persendirian serta tidak ada subsidi daripada kerajaan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

IJN, UM, UiTM dicadang wujud program bersama

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athirisma@medianila.com.my

SHAH ALAM: Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersama Institut Jantung Negara (IJN) disaran membentuk kerjasama dengan Universiti Malaya (UM) bagi menyelesaikan isu tujuh pengamal perubatan yang didakwa 'terkandas' selepas program *parallel pathway* kardiotorasik mereka tidak diiktiraf.

Kerjasama tersebut melibatkan proses pembelajaran sedia ada selain menyediakan persiapan menubuhkan program kepakaran pembedahan kardiotorasik IJN di UM dan mendapat kelulusan daripada badan pengiktirafan dalam negara termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Ini kerana, program sedia ada, Program Pascasiswazah Pembedahan Kardiotorasik UiTM - IJN mempunyai tenaga pakar membabitkan tiga pengajar berstatus profesor penuh dan dua profesor madya selain 11 profesor adjung dari IJN dan seorang profesor pelawat antarabangsa dari Monash University, Melbourne dalam bidang tersebut.

Kaedah itu dicadang sebagai penyelesaian awal bagi membantu pengamal perubatan itu mendapat pengiktirafan dengan menjalani latihan kepakaran dan memenuhi keperluan pakar perubatan kardiotorasik di negara ini.

Bekas Pengerusi UiTM, Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Ibrahim Shah Abu Shah berkata, dalam isu tersebut, UiTM perlu kekal dengan dasarnya untuk Melayu dan bumiputera tetapi tidak bermaksud tidak boleh membantu institusi atau universiti lain menjalankan program tersebut.

Menurut beliau, UiTM sebe-

Pakar perubatan kurang bukan salah UiTM

Oleh JUANIMUNIR ABURAKAR
juanib@medianila.com.my

PETALING JAYA: Kemungkinan pelajar bukan bumiputera ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) bukan penyelesaian masalah kekurangan pakar perubatan yang sedang dihadapi Malaysia ketika ini.

Lagi pula, UiTM hanya mampu melahirkan 20 orang doktor pakar sahaja setiap tahun, sedangkan bumiputera mahu ada.

UiTM hanya melahirkan 20 doktor pakar setahun, keperluan negara pula 28,000

Oleh itu tidak logik menyalahkan institusi itu untuk kekurangan doktor pakar di negara ini.

Selain UiTM terdapat banyak lagi institusi pendidikan tinggi lain yang bertanggungjawab melahirkan graduan perubatan di Malaysia. Pada masa sama, kekurangan pakar perubatan juga berpunca daripada Akta Perubatan Pindaan 2012 apabila undang-undang itu yang menghalang lulusan *Parallel Pathway* untuk mendaftarkan diri sebagai doktor pakar di negara ini.

Presiden Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM, Saharudin Lin berkata, masalah undang-undang saikan segera bukan mana-mana menjadi pakar *Parallel Pathway* luar negara, bukannya membina pada bukan bumiputera UiTM bagi program pasca siswazah.



IBRAHIM SHAH ABU SHAH

lum ini terlibat membantu UM untuk menyediakan dokumentasi untuk mendapat kelulusan memulakan program sama di UM.

"Selepas mendapat kelulusan, ia dirancang berjalan bersama di bawah pengawasan 'board of studies' yang sama, serta hanya satu sekretariat kerja yang terdiri daripada semua pihak dari IJN, UM dan UiTM.

"Bagaimanapun kerana buat masa ini UM hanya mempunyai seorang pakar bedah kardiotorasik, oleh itu memulakan usa-

ha UiTM bersama IJN sehingga mereka turut boleh memberi ijazah kepakaran menjadi pilihan terbaik, lebih praktikal. Juga memandangkan IJN bersama-sama UiTM menjalankan program kepakaran itu sejak 2020," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, menurut beliau, jika keadaan terlalu mendesak, UiTM dicadang menggunakan sayap perniagaan mereka untuk menerima pelajar khususnya bukan Melayu atau bumiputera bagi menjalani kursus kardiotorasik di universiti itu.

Dalam pada itu, Ibrahim Shah yang juga bekas Naib Canselor UiTM Ke-2 berkata, cadangan kerjasama antara IJN, UM dan UiTM dilakukan supaya kerajaan tidak mengambil langkah meminda Akta Perubatan 1971 (Akta 50) bagi mengiktiraf kursus *parallel pathway* tersebut.

"Tindakan mengekalkan akta itu akan menyelamatkan nama baik kerajaan serta badan-badan pengiktirafan pengamal perubatan di negara ini kerana meminda undang-undang bagi membolehkan *parallel pathway*

tersebut diiktiraf, disifatkan tidak profesional atau berkredibiliti.

"Sedangkan program *parallel pathway* yang dijalankan berbentuk komersial di Malaysia oleh sebuah persatuan, bukannya institusi pendidikan mahupun kolej perubatan, mencetuskan polemik kerana tidak diiktiraf oleh mana-mana badan perubatan termasuk General Medical Council (GMC) United Kingdom (UK) KPT. Jangan 'halalkan' benda yang 'haram'," tegasnya.

Katanya lagi, kerjasama awal IJN, UM dan UiTM penting untuk meredakan ketegangan antara Melayu dan bumiputera dengan kaum lain berikutan wujud perbalahan mengenai pengambilan mahasiswa di universiti terbesar itu.

UiTM adalah institusi pertama dan satu-satunya universiti menawarkan kursus dalam bidang kardiotorasik di peringkat pasca siswazah yang dimulakan pada 2020.

Program itu dijalankan dengan kerjasama IJN dan mendapat kelulusan daripada KPT, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

UTUSAN
Malaysia
14 Mei 2024.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS/NATION

PREVENTING MISUSE

Hospital lodges
report over loss
of sick leave chit

JOHOR BARU: The Johor Health Department has taken measures to prevent the recurrence of incidents, such as the loss of a medical leave certificate at Tangkak Hospital.

Johor Health director Dr Mohhtar Pungut @ Ahmad said a police report had been lodged to prevent the misuse of the missing medical leave certificate.

"We are aware of the issue circulating on social media and in the news regarding the missing medical leave certificate from Tangkak Hospital.

"We confirm the loss of the medical leave certificate with serial number HTGKF 896400 at Tangkak Hospital and a police report has been filed.

"The hospital management is conducting an investigation into this incident and follow-up actions are being carried out according to Treasury instructions.

"In response to this incident, immediate improvement measures have been implemented to ensure this does not happen again."

Dr Mohtar advised the public to report to the state Health Department if they received a medical leave certificate with the said serial number.

On Thursday, Tangkak Hospital posted a notice on its Facebook page regarding the loss of the hospital's medical leave certificate.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

Zooming in on surgeon shortage

PM: Cabinet to discuss training and accreditation for cardiothoracic specialists

By **TARRENCE TAN** and
RAGANANTHINI VETHASALAM
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Recent issues concerning training and accreditation for heart and lung surgeons, a critical profession that is lacking in Malaysia, will be discussed at the Cabinet meeting.

"It will be discussed this Wednesday during the Cabinet meeting," Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim told reporters briefly when asked about the controversy surrounding the training of cardiothoracic surgeons.

In an immediate reaction, Galen Centre for Health and Social Policy chief executive officer Azrul Mohd Khalib said in a post on X that the Cabinet should not discuss the matter without the presence of Health Minister Datuk

Seri Dr Dzulkefly Ahmad, who is attending the World Health Assembly in Geneva, Switzerland.

"I don't think it would be a good idea for this issue to be discussed and decided upon by the Cabinet without the benefit and counsel of the Health Minister," he said.

"It would be better to wait for the minister to return from Geneva. It is worth the wait."

Welcoming the announcement, Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery (MATCVS) honorary secretary Prof Dr John Chan Kok Meng hoped the Cabinet would support the Health Minister's initiatives to resolve the problem.

He said the minister had announced plans to amend the Medical Act at the next Parliament meeting to allow continued recognition of the parallel pathway

training programmes and strengthen the local University Master's training programmes.

Dr Chan said the Malaysian Medical Council's (MMC) decision to not recognise the cardiothoracic parallel pathway has severely affected the workforce planning for cardiothoracic services in the country.

"This decision was made without being considered by the Cardiothoracic Surgery Evaluation and Education committees in the MMC and is not based on the standards and the quality of the training or qualification," he said.

Hartal Doktor Kontrak spokesperson Dr Muhammad Yassin hoped that the parallel pathway programme would be recognised and cardiothoracic graduates would be able to work and practise in Malaysia as surgeons, thus

addressing the issue of the shortage of surgeons and increasing patient load.

In March, the Health Minister told the Dewan Rakyat that there were only 14 cardiothoracic surgeons working in the ministry.

The Star in March had reported that the shortage of cardiothoracic surgeons have left some 1,500 heart and lung disease patients in government hospitals in dire straits.

According to reports, Malaysia needs a ratio of one cardiothoracic surgeon to 500,000 individuals in 2025 and one to 450,000 in year 2030.

When it was proposed that Universiti Teknologi Mara (UiTM) temporarily open up its cardiothoracic surgery master's programme, it drew a storm of protest from racial conservatives

including those from within the unity government alliance.

Critics of the proposal have been adamant that UiTM maintain its bumiputera-only admissions policy despite the fact that the university already accepts foreign students.

Another aspect of the controversy is that Malaysian graduates who had been sent by the government to study cardiothoracic surgery at the Royal College of Surgeons of Edinburgh are unable to practise in Malaysia as their qualifications are not accepted by the MMC.

Four of these graduates have already sued the MMC for refusing to register them on the National Specialist Register (NSR) – the third known lawsuit against the MMC's rejection of NSR specialist registration applications.